



KENYATAAN MEDIA
YAB MENTERI BESAR PAHANG

**PENDAFTARAN MULAI 1 APRIL 2022 SEHINGGA 30 APRIL 2022 BAGI
SKIM PEMBIAYAAN KEWANGAN USAHAWAN MIKRO NEGERI PAHANG (I-
PUSH) BERNILAI RM20 JUTA**

Sukacita dimaklumkan bahawa tarikh pendaftaran permohonan bagi Skim Pembiayaan Kewangan Usahawan Mikro Negeri Pahang (I-PUSH) akan dibuka mulai 1 April 2022 sehingga 30 April 2022¹. Ia bertujuan memastikan mereka yang layak atau masih tiada dalam pangkalan data Kerajaan Negeri dapat mengemukakan permohonan masing-masing.

Seperti yang dimaklum, Skim I-PUSH merupakan inisiatif Kerajaan Negeri Pahang yang diumumkan dalam Belanjawan Negeri Pahang 2022 dengan peruntukan sejumlah RM20 juta. Secara keseluruhan, **Skim I-PUSH yang akan dilaksanakan pada tahun 2022 dapat memanfaatkan lebih 2,500 penerima (usahawan mikro) yang terjejas ekoran pandemik Covid-19.**

Bagi mengurangkan beban pemohon, **pembayaran balik pembiayaan tanpa faedah turut diperkenalkan dalam skim I-PUSH iaitu lima (5) tahun tempoh pembiayaan termasuk tahun pertama moratorium yang diberikan.** Jumlah pembiayaan akan disalurkan untuk setiap pemohon yang berjaya adalah antara RM3,000 sehingga RM10,000 berdasarkan syarat-syarat kelayakan tertera². Selain, tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Panel Pemilih Skim I-PUSH yang dilantik oleh Kerajaan Negeri.

¹ Sila rujuk Jadual 1 di Lampiran

² Sila rujuk Jadual 2 di Lampiran

Menerusi Skim I-PUSH ini, Kerajaan Negeri akan menjalin hubungan kerjasama dengan bank tempatan sebagai bank pelaksana atau ejen I-PUSH. Kerajaan Negeri percaya bantuan pembiayaan ini dapat dicapai kepada kumpulan sasar yang lebih meluas melalui kerjasama strategik antara Kerajaan Negeri dengan bank pelaksana yang akan diputuskan kelak.

Pemohon Skim I-PUSH boleh merujuk Panduan Permohonan Skim I-PUSH yang dimuat naik di portal rasmi <https://smu.pahang.gov.my> bagi mendapatkan maklumat lanjut.

Kerajaan Negeri Pahang sentiasa peka dengan keperluan semasa dan akan terus komited membantu usahawan terjejas bagi menjamin kesejahteraan Rakyat Pahang.

#MajuTerusPahang

#Pahang1st

DATO' SRI WAN ROSDY WAN ISMAIL
29 MAC 2022

Lampiran

Jadual 1: Permohonan Skim I-PUSH

Cara Permohonan	Tarikh Permohonan	Kaedah Permohonan
Secara dalam talian	1 April – 30 April 2022	Melalui https://smu.pahang.gov.my

Jadual 2: Syarat Permohonan Skim I-PUSH

Bil.	Kriteria Kelayakan
1.	Rakyat Pahang
2.	Berumur 18 tahun dan ke atas
3.	Bermaustatin di negeri Pahang melebihi 10 tahun
4.	Menjalankan perniagaan melebihi 1 tahun (sebelum atau pada Mac 2021)
5.	Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
6.	Mempunyai lesen perniagaan/ permit sementara PBT
7.	Tidak bankrap
8.	Golongan B40
9.	Keutamaan diberikan kepada peniaga yang terjejas akibat pandemik Covid-19
10.	First come, first serve